



**SURAT PEKELILING PENTADBIRAN
BILANGAN 6 TAHUN 2018**

**PENGGANTIAN FRASA
“SAYA YANG MENURUT PERINTAH”
DENGAN FRASA
“SAYA YANG MENJALANKAN AMANAH”
DALAM URUSAN PENYEDIAAN SURAT
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

Pejabat Pendaftar

20 Disember 2018 | 12 Rabiulakhir 1440H

Disalinkan kepada:

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat)

Penolong Naib Canselor (Pembangunan & Pengurusan Fasiliti)

Pegawai-Pegawai Kanan

YDP Majlis Perwakilan Pelajar

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

UTeM.02.14.03/100-3/2/2 (3)

20 DISEMBER 2018
12 RABIULAKHIR 1440H

SURAT PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 6/2018

PENGGANTIAN FRASA “SAYA YANG MENURUT PERINTAH” DENGAN FRASA “SAYA YANG MENJALANKAN AMANAH” DALAM URUSAN PENYEDIAAN SURAT UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

1.0 TUJUAN

Surat Pekeliling Pentadbiran ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua staf dan pelajar Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) berkaitan penggantian frasa “Saya Yang Menurut Perintah” dengan frasa “Saya Yang Menjalankan Amanah” dalam urusan penyediaan surat Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Pihak Universiti telah menerima surat pemakluman daripada Pejabat Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia (Rujukan : JPA.BPP(S)193/6/84 Jld.4(3) bertarikh 20 September 2018 yang menjelaskan bahawa sejajar dengan hasrat Kerajaan supaya setiap penjawat awam dapat menghayati bahawa setiap perintah, tugas dan tanggungjawab merupakan satu amanah yang perlu dilaksanakan dengan sebaiknya, maka Kerajaan bersetuju supaya frasa **“SAYA YANG MENURUT PERINTAH”** diganti dengan frasa **“SAYA YANG MENJALANKAN AMANAH”**.
- 2.2 Mesyuarat Jawatankuasa Transformasi Bil. 7/2018 pada 15 Oktober 2018 bersetuju untuk memperakukan cadangan penggantian frasa ini. Walau bagaimanapun, Mesyuarat turut memaklumkan bahawa kepala surat rasmi Universiti perlu dikemaskini dan dilihat semula agar pemaparan identiti Universiti dapat dipertingkatkan.
- 2.3 Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 5/2018 yang bersidang pada 9 November 2018 telah bersetuju meluluskan penggantian frasa “Saya

Yang Menurut Perintah” dengan frasa “Saya Yang Menjalankan Amanah” dan pengemaskinian kepala surat rasmi Universiti dalam urusan penyediaan surat di Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

3.0 PELAKSANAAN

3.1 Susun atur surat rasmi berserta penggunaan frasa “Saya Yang Menjalankan Amanah” dan kepala surat rasmi Universiti yang baharu adalah seperti **Rajah 1** dan **2** berikut:-

Rajah 1: Muka surat pertama

UTeM
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Universiti Teknikal Malaysia Melaka
Hang Tuah Jaya,
78100 Durian Tunggal,
Melaka, Malaysia

+608 270 1000
+608 270 1022
www.utem.edu.my

PEJABAT PENDAFTAR
Tel : +606 270 1591 | Faks : +606 270 1034

Kepala surat (Letterhead)

No. Rujukan Rujukan Kami (Our Ref): UTeM.02.14.05/100-11/02
Rujukan Tuan (Your Ref):
Tarikh (Date): 19 Oktober 2018 / 10 Safar 1440H

Nama dan alamat penerima Encik Azmin Fadli Bin Mahyuddin
Melalui dan salinan
Timbangan Pendaftar,
Bahagian Governan dan Pengurusan Organisasi,
Pejabat Pendaftar

Tajuk Encik Zaid Bin Abdullah
Encik Zainal Bin Nordin
Encik Mohd Hisham Bin Ondar
Melalui dan salinan
Pengarah, Pejabat Pembangunan

Panggilan hormat penerima Tuan,

Penomoran perenggan 1 **Penomoran perenggan 1** kal Tab selepas nombor perenggan

Isi kandungan Font: Arial
Saiz: 12-14
Jarak: Single hingga 1.5
Kedudukan teks: Seimbang
raja kiri dan kanan

Tarikh :- 24 dan 25 Oktober 2018
Tempat :- Bahagian Perumahan dan Kemudahan Pelajar,
Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni,
Universiti Malaysia Pahang (UMP).

Sambungan ke muka surat seterusnya ditulis pada sudut kanan sebelah bawah surat

Tarikh di ruang atas sebelah kanan selepas No. Rujukan. Ruangan tarikh yang kosong hendaklah diisi semasa menandatangani surat

LAWATAN KERJA KE BAHAGIAN PERUMAHAN DAN KEMUDAHAN PELAJAR, UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas dan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Perumahan Universiti bertarikh 10 Julai 2018 adalah berkaitan.

2. Untuk makluman tuan, Jawatankuasa Perumahan Universiti UTeM bercadang ingin mengadakan lawatan kerja. Sehubungan dengan itu, tuan telah dicalonkan oleh jabatan tuan untuk menghadiri lawatan kerja seperti berikut:-


3. Bersama-sama ini dilampirkan tentatif program lawatan kerja untuk rujukan tuan. Semoga lawatan kerja ini dapatlah juga membantu pihak Jawatankuasa berukar pandangan di dalam menambah baik tugas yang mereka laksanakan.

...2/-

SEBUAH UNIVERSITI TEKNIKAL AWAM

COATED TO ISO 9001:2015
CERT. NO. : GM3 1130

Rajah 2: Muka surat kedua



- 3.2 Surat Pekeliling Pentadbiran ini perlu dibaca bersama Pekeliling Pentadbiran Bil. 32 Tahun 2016 "Manual Identiti Korporat UTeM" dan Pekeliling Pentadbiran Bil. 53 Tahun 2017 "Buku Panduan Pengurusan Rekod Sektor Awam Terbitan Arkib Negara di Universiti Teknikal Malaysia Melaka".

4.0 PEMBATALAN

- 4.1 Keputusan ini akan membatalkan perkara 9 (Kepala Surat Rasmi), Pekeliling Pentadbiran Bil. 32 Tahun 2016 "Manual Identiti Korporat UTeM" dan perkara 2.3.4(i), Pekeliling Pentadbiran Bil. 53 Tahun 2017 "Buku Panduan Pengurusan Rekod Sektor Awam Terbitan Arkib Negara di Universiti Teknikal Malaysia Melaka".

5.0 PERTANYAAN LANJUT

- 5.1 Sebarang pertanyaan lanjut berhubung perkara ini boleh dikemukakan kepada Bahagian Governan dan Pengurusan Organisasi (BGPO), Pejabat Pendaftar di talian 06-270 2848 / 06-270 4576.

6.0 TARIKH KUAT KUASA

- 6.1 Surat Pekeliling Pentadbiran ini berkuat kuasa mulai 9 November 2018.

Sekian, terima kasih.

"KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN"

Saya yang menjalankan amanah,



MASDZARIF BIN MAHAT

Ketua Pegawai Operasi

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

